

MB: Impian murni tajaan Tun Razak kini menjelma jadi kenyataan

PELANCARAN rasmi Bandar Baru Kuantan oleh YAB. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri pada pagi ini merupakan sebuah batu tanda kepada usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam pembangunan ekonomi di Negeri Pahang, terutama sekali, ke arah pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Alhamdulillah, pada pagi ini kita juga dapat menyaksikan sebuah impian murni yang ditaja oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, mulai menjadi kenyataan.

Selain dari usaha-usaha pembangunan, pertanian, perindustrian dan perhutanan di Negeri Pahang, perancangan dan pembangunan perbandaran yang teratur merupakan peranan yang penting. Selaras dengan segala aktibili untuk menampung bilangan keperluan perkhidmatan yang wujud akibat dari perkembangan ekonomi yang pesat.

Dengan adanya perancangan seperti ini Kerajaan Negeri Pahang yakin pengalihan kemudahan asas serta peluang-peluang akan dapat diperluaskan lagi terutama sekali di kalangan Bumiputera yang baru mula menggorak langkah ke kota dan di dalam aktibili perniagaan.

Pelancaran projek ini juga memberi makna yang amat besar kepada pembangunan keseluruhan Negeri Pahang kerana ianya merentas jalan kepada pembangunan beberapa banyak lagi pusat bandar seperti ini di dalam rangka perancangan Rancangan Malaysia ke 6.

Bagi semua anggota-anggota jabatan dan pejabat kerajaan yang giat dalam perancangan projek ini, pelancaran bandar baru Kuantan pada pagi ini tidaklah bermakna berakhirnya usaha mereka, bahkan bermulanya usaha mereka ke peringkat yang lebih mencabar iaitu kejayaan pertaksanaannya. Usaha-usaha yang lebih gigih dan berlipat ganda adalah dikehendaki daripada semua pihak.

Di sini ingin saya mengalu-alukan pemaju-pemaju wanita terutama sekali di kalangan pemaju Bumiputera supaya meyahuti seruan Kerajaan Negeri supaya bersama-sama berusaha mejayakan projek ini. Segala kemudahan dan keutamaan akan di selaraskan kesempurnaan perlaksanaannya.

Saya berdoa agar dengan usaha-usaha yang jujur dan gigih, harapan murni kita akan dimakbuli Tuhan dengan kejayaan yang lebih menyampalkan setinggi-tinggi perhargaan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri kerana kesudian beliau hadir bersama-sama pada pagi ini dan merasmikan pelancaran Bandar Baru Kuantan.



●ENCIK ABDUL KAHIM BIN ABU BAKAR